



## Cara Menjauhi Perkara yang Membatalkan Iman

### 1. Cara menjauhi perkara yang membatalkan iman.

| Aspek          | Keterangan                                                                                                                                                                       |
|----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Ilmu</b>    | Mendalami ilmu akidah Islam supaya dapat mendalami ilmu berkaitan batas-batas iman dan kufur.                                                                                    |
| <b>Sahabat</b> | Bersahabat dengan orang soleh/ baik akhlakunya supaya dapat membimbing diri kepada kebaikan.                                                                                     |
| <b>Amal</b>    | Melakukan amal soleh yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan rasul.                                                                                   |
| <b>Kaji</b>    | Berusaha memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan berdasarkan al-Quran dan al-Sunah/ menepati akidah Ahli Sunah Waljamaah.                                                      |
| <b>Doa</b>     | Sentiasa berdoa dan memohon petunjuk Allah SWT agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam.                                                                                      |
| <b>Mati</b>    | Selalu mengingatkan kematian supaya membuatkan kita takut untuk melakukan maksiat dan kejahatan kerana mati akan hadir tanpa diketahui bila masanya.                             |
| <b>Taubat</b>  | Segera bertaubat apabila melakukan kesalahan kerana Allah SWT sentiasa membuka pintu taubat kepada hamba-Nya supaya mereka menginsafi kesalahan dan kembali ke jalan yang benar. |

### 2. Cara/ usaha yang boleh meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.

| Aspek        | Keterangan                                                                                                                                                                  |
|--------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Ilmu</b>  | Mendalami ilmu yang berkaitan dengan Allah SWT, nama-nama-Nya serta sifat-sifat-Nya supaya dapat mengetahui sifat ketuhanan yang sebenar.                                   |
| <b>Amal</b>  | Membanyakkan amalan soleh serta ketaatan supaya menghindari diri daripada terjerumus ke dalam nafsu syahwat dan kemaksiatan yang boleh melemahkan iman.                     |
| <b>Zikir</b> | Sentiasa mengingatkan Allah SWT serta sifat-sifat-Nya dan yang berkaitan dengan keagungan-Nya sehingga sentiasa ingat kepada-Nya.                                           |
| <b>Fikir</b> | Sentiasa menghayati segala ciptaan Allah SAW yang begitu hebat, unik dan canggih sehingga dapat menambahkan iman kepada Allah, iaitu merasakan kekuasaan dan keagungan-Nya. |